



UCAPAN UNTUK ENCIK ZAQY MOHAMAD, PENGERUSI JAWATANKUASA BULAN BAHASA 2015, DI MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA 2015, SABTU, 5 SEPTEMBER, 3.00PTG, DI FLOWER DOME, GARDENS BY THE BAY

Kumpul kuini barang sebakul,
Hiris sebiji manis dirasa;
Di taman ini kita berkumpul,
Meraikan bersama Bulan Bahasa.

Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong.

Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, Menteri di Pejabat Perdana Menteri merangkap Menteri Kedua Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Kedua Ehwal Luar, dan Pengurus Majlis Bahasa Melayu Singapura.

Peihin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Brunei

Tuan Yang Terutama Haruhisa Takeuchi, Duta Bersa Jepun ke Singapura

Tetamu Khas dan Rakan-rakan dari Brunei, Indonesia, dan Malaysia

Para Hadirin Sekalian

Selamat datang ke Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2015.

Saya yakin bahawa kita berada di sini kerana kita sedar akan nilai bahasa ibunda kita dan kita ingin melihat bahasa Ibunda kita kekal terpelihara agar dapat kita wariskan kepada generasi masa depan kita.

Terima kasih Perdana Menteri kerana memberikan bahasa Melayu pengiktirafan yang tinggi semasa Rapat Hari Kebangsaan. Walaupun PM lazimnya memulakan dengan bahasa Melayu, sesuatu yang dikatakan PM telah menyentuh hati ramai orang. Duta-duta Bahasa dan saya ada kumpulan Whatsapp dan kami semua berasa teruja dengan serta merta. PM, apabila PM memulakan ucapan dengan ungkapan “Biar saya mulakan dalam Bahasa Kebangsaan kita” PM telah membuat kita, warga Singapura, berbangga dengan bahasa ibunda kita, bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Ramai antara para hadirin sekalian telah terlibat dalam perkembangan Bulan Bahasa, sama ada dengan menerajui sesuatu inisiatif atau pun dengan memberikan sokongan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mantan pengurus Majlis



Bahasa Melayu Singapura, Encik Sidek Sanif dan Encik Yatiman untuk visi dan dedikasi mereka dalam memimpin Majlis Bahasa.

Saya juga amat menghargai peluang yang diberikan Encik Hawazi Daipi dan Encik Masagos Zulkifli kepada saya untuk memimpin Bulan Bahasa selama tiga tahun ini. Usaha kita untuk melestarikan bahasa Melayu berupaya mencapai peringkat yang setinggi kini kerana asas yang telah dibina selama 27 tahun yang lalu oleh kita bersama. Dengan sokongan dan dorongan yang tidak putus, Bulan Bahasa terus berkembang.

Sempena SG50, kita menyambut Bulan Bahasa di Gardens by the Bay, sebuah tempat berperingkat antarabangsa yang mencerminkan kemajuan Singapura selama 50 tahun. Hari ini, kita juga akan melancarkan "Yang Terukir – Bahasa dan Persuratan Melayu Sempena 50 tahun Kemerdekaan Singapura", inisiatif yang dipimpin oleh Prof Madya Dr Hadijah Rahmat. Pelancaran buku ini yang tepat pada masanya, amat bermakna dan mencerminkan semangat dan sumbangan masyarakat kita. Buku ini juga merupakan rekod penting yang memaparkan sejarah bahasa, sastera dan warisan Melayu Singapura.

Perintis-perintis sastera dan Bulan Bahasa seperti Cikgu muhdAriff, Cikgu Ma'mun Suheimi, Cikgu Masran Sabran dan Cikgu Suratman Markasan telah berbakti untuk memastikan bahasa Melayu kekal relevan dan dinamik. Lagu Bulan Bahasa kita yang malar segar dengan irama yang ikonik ditulis oleh seorang lagi generasi perintis bulan bahasa, Cikgu Abdolah Lamat. Lagu berjudul 'Menjunjung Budaya', yang tidak lapuk dek hujan ini mengingatkan kita agar mencintai bahasa dan memelihara budaya kita. Terima kasih kepada anda semua kerana menjadi inspirasi bagi kami.

Tahun ini, terdapat 105 program yang dianjurkan oleh 50 rakan kerjasama. Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu, atau MAEC, memberi sokongan yang hebat untuk Bulan Bahasa. 14 MAEC telah menganjurkan acara-acara khas untuk balai rakyat dan kelab masyarakat mereka. Nee Soon dan Chua Chu Kang akan menyertai Tampines dan Jurong dalam menganjurkan Bulan Bahasa mereka tersendiri di GRC mereka.

49 buah sekolah dan 4 Madrasah memberi sokongan yang aktif melalui program dan sesi jangkauan. Mediacorp sedang menyiarkan pelancaran rasmi kami LIVE, semasa saya sedang memberi ucapan. Buat julung-julung kalinya, terdapat bas-bas memaparkan mesej Bulan Bahasa yang mengelilingi serata Singapura, dengan keizinan ComfortDelgro.

Duta-duta Bahasa kita telah memainkan peranan penting dalam usaha memperjuangkan bahasa Melayu. Terima kasih atas sumbangan anda. Dengan berbesar hati, saya ingin memperkenalkan Duta Bahasa untuk tahun ini - Datuk Ramli Sarip, Nur Hafiza Osman, Hairianto Diman dan Siti Aisyah Mohamed Salim. Selamat datang ke keluarga Duta kita.



Sebelum saya akhiri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa individu dan penyokong yang telah menyumbang kepada kejayaan Bulan Bahasa 2015.

Pertama sekali, terima kasih Encik Masagos Zulkifli, Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, Profesor Madya Dr Faishal Ibrahim, Pengerusi Majlis Bahasa SG50 dan semua ahli Majlis Bahasa atas sokongan anda.

Dengan ikhlasnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa yang telah menyumbangkan masa dan tenaga anda.

Saya ingin memberi penghargaan istimewa kepada Allahyarham Cikgu Mohd Naim Daipi. Pastinya, Cikgu merupakan penyokong kuat Majlis Bahasa dan Bulan Bahasa. Allahyarham selalu bersedia untuk menyumbangkan ilmunya tentang bahasa dan akan menghadiri dan menyokong kami semasa acara-acara semarak. Pantun, peribahasa dan ilmunya tentang bahasa akan sentiasa diingati, dijadkan pedoman hidup dan sumber inspirasi untuk meneruskan legasi beliau.

Akhir sekali, terima kasih kepada pihak Gardens by the Bay kerana mengongsikan tempat yang indah ini bersama kami dan para pengunjung Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa 2015.

Terima kasih.